

27/09/2000

Telur atas mata pisau arca pilihan

KUALA LUMPUR, Selasa - Arca hasil kraftangan Wong Pey Yu yang memaparkan telur diimbangi atas mata pisau menjadi ukiran pilihan sempena perasmian Balai Seni Lukis Negara, esok.

Arca itu yang mirip kepada perumpamaan Melayu, telur di hujung tanduk, di mana telur memaparkan kerapuhan hidup manusia manakala mata pisau pula menampilkan suasana bahaya yang sentiasa wujud dalam kehidupan saban hari.

Wong, pereka arca itu, berkata hasil seninya bertujuan meluahkan pilihan dan masalah serta konflik dalaman yang dihadapi setiap manusia dalam mengharungi kehidupan seharian.

"Apabila menghadapi sesuatu masalah, pelbagai persoalan bermain di benak fikiran manusia, terutama mengenai pendirian hidupnya sama ada kukuh atau goyah serta keberanian menghadapi serta menyelesaikan masalah harian.

"Selain itu, persoalan mengenai keadilan yang berkaitan dengan kebebasan setiap individu selain kebebasan membuat pilihan turut diluahkan menerusi arca ini.

"Kedudukan telur yang diimbang di atas mata pisau boleh diterjemah sebagai cabaran hidup yang dihadapi seseorang dalam kehidupan harian demi menentukan hala tuju hidup masing-masing," katanya.

Katanya, telur yang diselaputi warna merah itu juga boleh ditafsir sebagai setitis darah di hujung mata pisau bagi menggambarkan keadaan kritikal yang sering menjadi lumrah hidup manusia sejagat.

Pengukir arca itu, Ah Shang, kini melakukan persiapan terakhir terhadap replika telur di hujung mata pisau, ditempatkan di perkarangan Balai Seni Lukis Negara yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

(END)